

FATWA MENGENAI STATUS TERKINI PEMATUHAN SYARIAH SKIM SIJIL SIMPANAN
PREMIUM BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37(6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen

37(7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa kali ke-203 yang bersidang pada 23-25 Februari 2015 bersamaan 4-6 Jamadilawal 1436H dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

- i. Setelah meneliti penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN), mesyuarat mendapati dan berpuas hati bahawa pelaksanaan skim Sijil Simpanan Premium (SSP) oleh BSN telah dikemas kini dengan menggunakan akad Mudarabah (perkongsian untung) dan dana SSP dilaburkan dalam instrumen dan aset yang mematuhi Syariah serta hadiah-hadiah yang disumbangkan adalah menggunakan dana dari sumber Skim Perbankan Islam (SPI) BSN.
- ii. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa skim Sijil Simpanan Premium yang telah diperbaharui pelaksanaannya oleh BSN adalah produk yang sepenuhnya mematuhi Syariah dan diharuskan oleh syarak.

Bertarikh 9 Ogos 2018

[MNPk.A351.IST/01/7JLD4;PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan
TAN SERI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*